A

Azmi bin Ismail dan satu lagi lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — RAYUAN JENAYAH NO CB-42ES-02–06 TAHUN 2017 DAN CB-42ES-03–05 TAHUN 2017
HASSAN ABDUL GHANI PK
5 APRIL 2018

C *Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Kedua-dua perayu dituduh dengan dua pertuduhan di bawah s 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan — Perayu-perayu didapati bersalah oleh hakim bicara — Perayu-perayu dihukum penjara dua tahun dan denda RM300,000 jika tidak*
D *bayar enam bulan penjara bagi setiap pertuduhan — Sama ada pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu-perayu tidak sah — Sama ada wujud 'double jeopardy' — Sama ada pendakwaan gagal membuktikan perayu pertama mempunyai pemilikan ke atas hidupan liar — Sama ada kebersalahan perayu-perayu dibuktikan — Sama ada sabitan adalah selamat — Sama ada hukuman denda*
E *yang dikenakan munasabah — Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 s 68(2)(c) — Kanun Keseksaan s 34 — Kanun Tatacara Jenayah ss 173(ha)(iii) & 376(1) — Perlembagaan Persekutuan perkara 145*

F Kedua-dua perayu telah dituduh dengan dua pertuduhan di bawah s 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 ('Akta 716') dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan. Hakim bicara mendapati bahawa kes prima facie telah dibuktikan terhadap kedua-dua perayu dan seterusnya kedua-dua perayu telah dipanggil untuk membela diri. Di peringkat pembelaan, kedua-dua perayu memilih untuk berdiam diri selaras dengan s 173(ha)(iii) Kanun Tatacara
G Jenayah ('KTJ'). Di akhir perbicaraan, kedua-dua perayu didapati bersalah di atas kedua-dua pertuduhan dan dihukum penjara dua tahun berkuat kuasa daripada tarikh jatuh hukum iaitu 29 Mei 2017 dan denda RM300,000 jika tidak bayar enam bulan penjara bagi setiap pertuduhan. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu-perayu telah memfailkan rayuan terhadap
H sabitan dan hukuman. Perayu-perayu berhujah bahwa hakim bicara gagal mengambil kira bahawa kesalahan yang dipertuduhkan adalah sama dari segi tarikh, masa dan tempat kejadian, oleh itu, tindakan mengenakan dua pertuduhan ke atas perayu-perayu adalah salah dan tidak sah di sisi undang-undang di atas faktor 'double jeopardy'. Selain itu, perayu pertama
I berhujah bahawa: (a) hakim bicara telah khilaf apabila memutuskan perayu pertama juga memiliki hidupan liar itu kerana barang kes bukan miliknya mahupun dalam kawalannya; (b) perayu pertama hanya menumpangkan sahaja perayu kedua dan daging hidupan liar tersebut adalah milik perayu kedua; dan (c) hakim bicara hanya membuat andaian sendiri tentang jagaan

atau kawalan barang kes terhadap perayu pertama kerana dia yang memandu jip dan peti simpanan ais adalah miliknya.

Diputuskan, mengesahkan sabitan ke atas kedua-dua perayu dan membenarkan rayuan terhadap hukuman denda:

(1) Hak untuk mendakwa adalah hak 'prerogative' pendakwa raya berdasarkan s 376(1) KTJ dan perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Pendakwa raya mempunyai kuasa dan budi bicara untuk menentukan apakah pertuduhan dan berapakah pertuduhan yang hendak dikenakan ke atas tertuduh. Selain itu, Akta 716 memberi kebenaran kepada pihak pendakwaan untuk mengenakan beberapa pertuduhan ke atas perayu-perayu kerana menyimpan hidupan liar tersebut. Mahkamah juga mendapati bahawa tidak wujud 'double jeopardy' kerana fakta kes membuktikan kedua-dua perayu menyimpan dua bahagian hidupan liar yang berbeza iaitu satu kepala kambing gurun dan 19 bahagian daging kambing gurun (lihat perenggan 22, 24 & 26).

(2) Seksyen 68 Akta 716 menggunakan perkataan menyimpan dan bukan kawalan atau jagaan atau pemilikan. Dalam konteks kes semasa, perkataan menyimpan dalam kedua-dua pertuduhan adalah merujuk kepada menaruh di tempat selamat (supaya tidak rosak, tidak hilang dan lain-lain). Dalam kes semasa, keterangan ikut keadaan yang membuktikan kebersalahan kedua-dua perayu ialah: (a) ketika kejadian kedua-dua perayu bersama-sama berada di dalam jip; (b) kedua-dua perayu mempunyai kawalan atau jagaan terhadap jip tersebut; (c) dalam kenderaan tersebut terdapat barang-barang kes yang disimpan di dalam peti simpanan ais di belakang jip tersebut; (d) barang-barang kes tersebut telah disimpan selamat di dalam peti simpanan ais supaya ianya tidak rosak; (e) kedua-dua perayu mempunyai kawalan atau jagaan terhadap peti simpanan ais tersebut; dan (f) berdasarkan eksh D31, kedua-dua perayu mengetahui mengenai kewujudan barang-barang kes tersebut (lihat perenggan 27, 30 & 37).

(3) Tidak ada kekhilafan dalam penghakiman hakim bicara yang mensabitkan kedua-dua perayu setelah mereka berdiam diri selepas dipanggil membela diri. Dengan memilih untuk berdiam diri, kedua-dua perayu telah gagal untuk menyangkal segala bukti dan keterangan kes pihak pendakwaan yang telah dinilai secara maksima oleh hakim bicara di akhir kes pendakwaan. Berdasarkan kepada fakta dan keterangan prima facie, mahkamah mendapati sabitan adalah selamat (lihat perenggan 38).

(4) Mahkamah mendapati bahawa memandangkan kepada latar belakang kedua-dua perayu, adalah tidak munasabah untuk mengenakan denda yang terlalu tinggi kerana kedua-dua mereka memang tidak berkemampuan untuk membayar denda tersebut. Oleh itu, mahkamah

A mengenepikan hukuman denda RM300,000 untuk setiap pertuduhan dan menggantikannya dengan denda RM100,000 jika tidak bayar enam bulan penjara; dan mengekalkan hukuman dua tahun penjara (lihat perenggan 42–43).

B **[English summary**

The two appellants were charged with two counts under s 68(2)(c) of the Wildlife Conservation Act 2010 ('Act 716') read together with s 34 of the Penal Code. The judge found that a prima facie case had been proved against the two appellants and the two appellants were called to defend themselves. At the C defence stage, both appellants opted to remain silent in line with s 173(ha)(iii) of the Criminal Procedure Code ('the CPC'). At the conclusion of the trial, the two appellants were found guilty of both charges and sentenced to two years imprisonment from the sentence date, on 29 May 2017 and a fine of RM300,000 in failure six months imprisonment for each charge. Dissatisfied D with the decision, the appellants filed an appeal against the conviction and sentence. The appellant argued that the trial judge failed to take into account that the alleged offence was the same in terms of date, time and place, therefore the act of applying two counts to the appellants was wrong and illegitimate on the grounds of 'double jeopardy'. In addition, the first appellant argued that: E (a) the trial judge erred in deciding that the first appellant also owned the wildlife as the case item was not his; (b) the first appellant only conveyed the second appellant and the meat of the wildlife was the property of the second appellant; and (c) the judge made an assumption about the custody or control of the case against the first appellant as he drove the jeep and the ice storage was F his.

Held, affirming the conviction of the appellants and allowing the appeal on the fine:

G (1) The right to prosecute was the prerogative of the prosecutor based on s 376 (1) of the CPC and art 145(3) of the Federal Constitution. The public prosecutor had the power and discretion to determine the charge and the number of charges to be proferred against the accused. Additionally, Act 716 authorises the prosecution to impose several H charges on the appellants for keeping the wildlife. The court also found that double jeopardy did not exist because the facts of the case proved that the two appellants kept two different parts of the wildlife, the head and 19 parts of the goats (see paras 22, 24 & 26).

I (2) Section 68 of Act 716 uses the word store and not in control or custody or ownership. In the context of the present case, the word store in both charges referred to putting it in a safe place (so as not to be damaged, lost and so on). In the present case, circumstantial evidence proved that the guilt of the two appellants were: (a) during the incident, the two appellants together was in the jeep; (b) the appellants had control or

custody of the jeep; (c) in the vehicle, the case items were stored in the ice storage in the rear of the jeep; (d) the items of the case was kept safe in the ice storage so that it would not be damaged; (e) both appellants have control or custody of the ice storage box; and (f) pursuant to exh D31, both appellants were aware of the existence of the goods in the case (see paras 27, 30 & 37).

(3) There was no error in the trial judge's judgment in convicting the two appellants after they remain silent after being called upon to defend themselves. By choosing to remain silent, the two appellants failed to deny the evidence and the evidence of the prosecution's case which has been evaluated by the judge at the end of the prosecution's case. Based on the facts and prima facie evidence, the court found the conviction safe (see para 38).

(4) The court found that in view of the background of both appellants, it was unreasonable to impose fines which were too high because they were both incapable of paying the fine. Thus, the court dismissed a fine of RM300,000 for each charge and replaced the same with a fine of RM100,000, in failure, six months imprisonment; and the two-year imprisonment term was maintained (see paras 42–43).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 45–101.

Kes-kes yang dirujuk

Asni bin Omar lwn Pendakwa Raya [2015] 6 MLJ 401; [2016] 1 CLJ 548, MR (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
Chan Pean Leon v PP [1956] 1 MLJ 237 (dirujuk)
Jamali bin Adnan v PP [1986] 1 MLJ 162; [1985] CLJ Rep 167, MA (dirujuk)
Johnson Tan Han Seng v PP [1977] 2 MLJ 66, MP (dirujuk)
Kunasegaran a/l Marimuthu v Pendakwa Raya [2010] MLJU 161; [2010] 6 CLJ 64, MT (dirujuk)
Leow Nghee Lim v Reg [1956] 1 MLJ 28 (dirujuk)
Long bin Samat & Ors v PP [1974] 2 MLJ 152, MP (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)
PP v Chu Beow Hin [1982] 1 MLJ 135; [1982] CLJ Rep 288, MP (dirujuk)
PP v Karthiselvam a/l Vengatan [2011] 4 MLJ 212; [2009] 4 CLJ 632, MR (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102 (dirujuk)
PP v Nguyen Thi Huong [2014] MLJU 1917; [2015] 2 CLJ 102, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 ss 59, 68(1), (2), (2)(c), Jadual Kedua
Kanun Keseksaan s 34
Kanun Prosedur Jenayah ss 173(ha), (ha)(iii), 376(1)
Perlembagaan Persekutuan perkara 7(2), 145(3)

Ikmal Hisham (Noralia bersamanya) bagi pihak perayu pertama.
Ahmad Nizam (Falihin Kamil dan Amirul Radzi bersamanya) bagi pihak perayu kedua.
Munirah Zainol Abidin (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)) bagi pihak responden.

Hassan Abdul Ghani PK:

PENGENALAN

[1] Kedua-dua perayu dituduh dengan dua pertuduhan di bawah s 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 ('Akta 716') dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan. Di akhir perbicaraan mereka didapati bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut dan dihukum penjara dua tahun berkuat kuasa daripada tarikh jatuh hukum 29 Mei 2017 dan denda RM300,000 jika tidak bayar enam bulan penjara bagi setiap pertuduhan.

[2] Perayu-perayu tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut dan telah memfailkan rayuan terhadap sabitan dan hukuman.

[3] Dalam penghakiman ini, Azmi bin Ismail akan dirujuk sebagai tertuduh pertama manakala Din a/l Chilih akan dirujuk sebagai tertuduh kedua sebagaimana kedudukan mereka di mahkamah sesyen.

PERTUDUHAN

[4] Pertuduhan ke atas kedua-dua tertuduh adalah seperti berikut:

> Kes No: 62ES-01-03-2016
>
> Bahawa kamu secara bersama-sama pada 27.03.2016 jam lebih kurang 11.29 pagi di dalam sebuah kenderaan jenis Suzuki jip no. pendaftaran CAE 4483 dalam kawasan Hutan Simpan Tekai, Tembeling [Koordinat X: 508056; Y: 462325] dalam Daerah Jerantut, Pahang didapati tanpa suatu permit khas telah menyimpan satu (1) kepala kambing Gurun (Capriconis sumatrensis) iaitu sejenis hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Jadual Kedua, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716].
>
> Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) dan boleh dihukum di bawah

seksyen dan Akta yang sama dibaca bersama s 34 KK.

Kes 62ES-02-05-2016

Bahawa kamu secara bersama-sama pada 27.03.2016 jam lebih kurang 11.29 pagi di dalam sebuah kenderaan jenis Suzuki jip no. pendaftaran CAE 4483 dalam kawasan Hutan Simpan Tekai, Tembeling [Koordinat X: 508056; Y: 462325] dalam Daerah Jerantut, Pahang didapati tanpa suatu permit khas telah menyimpan 19 bahagian daging kambing gurun (capricornis sumatrensis) iaitu sejenis hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Jadual Kedua, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716].

Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) dan boleh dihukum di bawah seksyen dan Akta yang sama dibaca bersama s 34 KK.

FAKTA KES

[5] Pada 27 Mac 2016 lebih kurang 11.29 pagi, semasa SP4 bersama lima orang kakitangan Jabatan Perhilitan sedang menjalankan kajian populasi harimau di Hutan Simpan Tekai, Tembeling, Jerantut mereka ternampak sebuah motor jip Suzuki No CAE 4483 (jip) yang dipandu oleh tertuduh pertama dan ditumpangi oleh tertuduh kedua.

[6] SP4 dan anggotanya telah menahan dan memeriksa jip tersebut. Hasil pemeriksaan mereka menjumpai satu kepala kambing gurun dan 19 bahagian daging kambing gurun di dalam peti simpanan ais di belakang jip tersebut. Kedua-dua tertuduh telah ditangkap kerana gagal mengemukakan permit khas untuk menyimpan kepala dan daging-daging kambing gurun tersebut.

[7] SP1 yang merupakan seorang pakar mamalia telah membuat pengecaman morfologi dan mengesahkan bahawa kepala hidupan liar itu adalah kepala seekor kambing gurun.

[8] SP3 yang merupakan pakar dalam bidang DNA forensik hidupan liar Jabatan Perhilitan telah membuat analisa DNA pada daging-daging hidupan liar tersebut dan mengesahkan ianya adalah daging-daging pada bahagian badan kambing gurun.

PRIMA FACIE

[9] Hakim mahkamah sesyen mengatakan di bawah s 68(2)(c) Akta 716 elemen-elemen pertuduhan untuk membuktikan satu kes prima facie adalah seperti berikut:

(a) tarikh, masa dan tempat kejadian;

(b) kewujudan satu kepala kambing gurun dan 19 bahagian kambing gurun

A iaitu sejenis hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Jadual Kedua Akta 716;

(c) penyimpanan satu kepala dan 19 bahagian daging kambing gurun;

(d) kedua-dua tertuduh mempunyai niat bersama; dan

B

(e) tiada permit khas untuk menyimpan satu kepala dan 19 bahagian daging kambing gurun.

[10] Berkaitan dengan elemen (a) pihak pembelaan tidak menimbulkan C sebarang keraguan berkenaan tarikh dan tempat kejadian. Keterangan SP4, SP5 dan SP6 disokong oleh pelan lokasi tempat kejadian (P8C), gambar-gambar tempat kejadian (P9AL) dan laporan polis (P17).

[11] Berkaitan dengan elemen (b) keterangan SP4, SP5, SP6 dan SP8 D membuktikan satu kepala kambing gurun dan 19 bahagian daging kambing gurun dijumpai dalam peti simpanan ais di bahagian belakang jip yang dinaiki oleh kedua-dua tertuduh. Keterangan saksi-saksi disokong oleh senarai barang sita (P10), laporan polis Kuala Tembeling Repot No 000106/16 (P15) dan gambar-gambar (P9A-L). E

[12] SP1 telah mengecam satu kepala hidupan liar itu adalah satu kepala kambing gurun manakala SP3 yang membuat pengecaman DNA mengesahkan 19 bahagian daging-daging itu adalah daging kambing gurun. F Kedua-dua saksi ini adalah pakar mengikut s 59 Akta 716 dan keterangan mereka dianggap benar sehingga dibuktikan sebaliknya.

[13] Berkaitan dengan elemen (c) keterangan SP4, SP5 dan SP6 membuktikan tertuduh pertama telah memandu jip tersebut dan ditumpangi G oleh tertuduh kedua. Oleh itu pada masa ditangkap tertuduh pertama dan tertuduh kedua mempunyai kawalan penuh terhadap jip, *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 237 dan *Leow Nghee Lim v Reg* [1956] 1 MLJ 28.

H

[14] Berkaitan dengan elemen (d) dan (e), hakim mahkamah sesyen merumuskan berdasarkan keterangan mengikut keadaan dan eksibit-eksibit yang dikemukakan kedua-dua tertuduh mempunyai niat bersama melakukan kesalahan tersebut kerana ketika kejadian tertuduh pertama dan tertuduh I kedua bersama-sama menaiki jip tersebut. Dalam D31 iaitu rakaman percakapan tertuduh pertama yang dikemukakan oleh pihak pembelaan di peringkat kes pendakwaan, tertuduh pertama mengaku peti simpanan ais itu kepunyaannya dan hidupan liar itu kepunyaan tertuduh kedua. Mereka tidak memiliki permit khas untuk menyimpan hidupan liar tersebut.

[15] Di akhir kes pendakwaan berdasarkan kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734 dan *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, hakim mahkamah sesyen telah memutuskan pihak pendakwa telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap kedua-dua tertuduh. Kedua-dua tertuduh telah dipanggil membela diri di atas pertuduhan.

PEMBELAAN

[16] Setelah diterangkan tiga cara membela diri menurut s 173(ha) KPJ kedua-dua tertuduh memilih untuk berdiam diri selaras s 173(ha)(iii) KPJ.

[17] Kedua-dua tertuduh telah disabitkan di atas kedua-dua pertuduhan.

MERIT RAYUAN

[18] Tertuduh-tertuduh dalam penghujahannya membangkitkan dua isu utama iaitu:

(i) pertuduhan yang dikenakan terhadap mereka tidak sah di sisi undang-undang dan di luar aturan yang tidak boleh diperbaiki di atas faktor 'double jeorpady';

(ii) pendakwaan gagal membuktikan tertuduh pertama mempunyai pemilikan ke atas hidupan liar itu; dan

(iii) hakim mahkamah sesyen telah gagal mengambil kira mitigasi tertuduh-tertuduh.

[19] Berkaitan dengan isu (i) peguambela tertuduh-tertuduh mengatakan hakim mahkamah sesyen gagal mengambil kira bahawa kesalahan yang dipertuduhkan adalah sama dari segi tarikh, masa dan tempat kejadian. Oleh itu tindakan mengenakan dua pertuduhan ke atas tertuduh-tertuduh adalah salah dan tidak sah di sisi undang-undang di atas faktor *'double jeopardy'* dengan merujuk beberapa kes di antaranya *Jamali bin Adnan v Public Prosecutor* [1986] 1 MLJ 162; [1985] CLJ Rep 167, *Kunasegaran a/l Marimuthu v Pendakwa Raya* [2010] MLJU 161; [2010] 6 CLJ 64. Peguambela berhujah hakim mahkamah sesyen sepatutnya meminda pertuduhan menjadi satu pertuduhan sahaja. Peguambela juga berhujah pertuduhan yang dikenakan melanggar hak asasi yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan dengan merujuk kepada artikel 7(2) Perlembagaan Persekutuan.

[20] Berkaitan dengan isu (ii) peguambela tertuduh pertama berhujah hakim mahkamah sesyen telah khilaf apabila memutuskan tertuduh pertama juga memiliki hidupan liar itu kerana barang kes bukan miliknya mahupun

dalam kawalannya. Tertuduh pertama hanya menumpangkan sahaja tertuduh kedua dan daging milik tertuduh kedua. Peguam menyatakan hakim mahkamah sesyen hanya membuat andaian sendiri tentang jagaan atau kawalan barang kes terhadap tertuduh pertama kerana dia yang memandu jip dan peti simpanan ais adalah miliknya.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[21] Berkaitan dengan isu (i) hakim mahkamah sesyen dalam penghakimannya tidak bersetuju dengan penghujahan peguambela bahawa sepatutnya Mahkamah meminda dua pertuduhan itu kepada satu pertuduhan sahaja kerana kambing gurun yang terlibat dalam kes ini hanya satu ekor sahaja. Beliau mengatakan bahawa:

(a) kuasa mendakwa terletak kepada pihak pendakwaan di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk menentukan apakah pertuduhan, berapa pertuduhan ke atas tertuduh-tertuduh;

(b) tiada sebarang keterangan dikemukakan di mahkamah yang menunjukkan bahawa kepala kambing gurun tersebut berasal daripada seekor kambing gurun yang sama. Pakar morfologi (SP1) dan pakar DNA (SP3) tidak dapat mengesahkan sama ada kepala kambing gurun dan 19 bahagian kambing gurun tersebut berasal daripada kambing gurun yang sama; dan

(c) keterangan pihak pendakwaan menunjukkan elemen-elemen kedua-dua pertuduhan telah dibuktikan secara berasingan.

[22] Mahkamah bersetuju tidak ada apa-apa kekhilafan yang boleh dirayu dalam penghakiman hakim mahkamah sesyen berkaitan dengan isu ini. Hak untuk mendakwa adalah hak prerogative pendakwa raya, s 376(1) KPJ dan artikel 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Pendakwa raya mempunyai kuasa dan budi bicara untuk menentukan apakah pertuduhan dan berapakah pertuduhan yang hendak dikenakan ke atas tertuduh, *Johnson Tan Han Seng v Public Prosecutor* [1977] 2 MLJ 66.

[23] Dalam kes *Long Bin Samat & Ors v Public Prosecutor* [1974] 2 MLJ 152 Mahkamah Persekutuan memutuskan setelah merujuk artikel 145(3) Perlembagaan Persekutuan, 'The Public Prosecutor is given wide discretion over the control and direction of all criminal proceedings and can in particular decide to prefer a charge for a less serious offence when there is evidence of a more serious offence which should be tried in higher court'.

[24] Selain itu mahkamah berpendapat Akta 716 memberi kebenaran kepada pihak pendakwaan untuk mengenakan beberapa pertuduhan ke atas tertuduh-tertuduh kerana menyimpan hidupan liar tersebut. Seksyen 68(2)(c)

Akta itu memperuntukkan: **A**

Memburu, dsb, hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas 68 (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) mana-mana orang yang —

(a) memburu atau menyimpan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya (selain hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang tidak matang atau hidupan liar betina yang dilindungi sepenuhnya); **B**

(b) mengambil atau *menyimpan mana-mana bahagian* atau terbitan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya,

Tanpa suatu permit khas melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. **C**

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah sub-seksyen (1) dan kesalahan itu membabitkan —

(a) ... **D**

(b) ...

(c) Serow (Capricomis sumatrensis), ... hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan denda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit dan dengan pemenjaraan tidak melebihi lima tahun. **E**

[25] Berkaitan dengan isu tafsiran statut, mahkamah dihalang daripada memasukkan perkataan yang tidak diperuntukkan dalam statut dan mahkamah mestilah memberi efek kepada niat Parllimen ketika menggubal undang-undang tersebut, *Public Prosecutor v Chu Beow Hin* [1982] 1 MLJ 135; [1982] CLJ Rep 288. Mahkamah ini telah meneliti peruntukan ss 68(1) dan (2) Akta 716. Perkataaan yang digunakan di bawah s 68(1) ialah mengambil atau *menyimpan mana-mana bahagian tanpa permit khas adalah melakukan satu kesalahan*. Mahkamah berpendapat dengan menggunakan perkataan *menyimpan mana-mana bahagian* ianya bermakna pihak pendakwaan mempunyai budi bicara yang luas untuk mengenakan lebih daripada satu pertuduhan ke atas tertuduh-tertuduh bergantung kepada berapa banyak bahagian hidupan liar yang disimpannya kerana setiap bahagian hidupan liar yang disimpan tanpa permit khas merupakan suatu kesalahan di bawah Akta 716. **F** **G** **H**

[26] Mahkamah juga berpendapat tidak wujud '*double jeorpady*' kerana fakta kes membuktikan kedua-dua tertuduh menyimpan dua bahagian hidupan liar yang berbeza iaitu satu kepala kambing gurun dan 19 bahagian daging kambing gurun. Penghujahan peguam perayu mungkin sedikit berasas jika tertuduh-tertuduh didapati menyimpan satu ekor kambing gurun tetapi mereka dikenakan pertuduhan yang berbeza untuk kepala, kaki, telinga, mata, ekor, bulu dan lain-lain. Oleh itu hujahan tertuduh-tertuduh berkaitan isu **I**

pertindihan pertuduhan dan '*double jeorpady*' adalah tidak relevan dan tidak berasas.

[27] Berkaitan dengan isu (ii) mahkamah berpendapat penghujahan peguam juga tidak bermerit. Seksyen 68 Akta 716 menggunakan perkataan menyimpan dan bukan kawalan atau jagaan atau pemilikan. Di bawah Akta 716 tidak ada definisi menyimpan. Oleh itu mahkamah telah merujuk maksud perkataan menyimpan di dalam Kamus Dewan.

[28] Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat memberi makna menyimpan sebagai:

> 1. Menaruh di tempat yang selamat (supaya tidak rosak, tidak hilang, dll); 2. Menghimpun (wang), menabung; 3. Mengemas-ngemas supaya teratur; 4. Tidak membuang, membiarkan, mengekalkan; 5. Memendam perasaan; 6. Memegang rahsia; 7. Menaruh secara rahsia; 8. Memiliki dan memakai (ilmu pengetahuan biasanya ilmu batin; 9. Mengandungi; 10. Membuat peringatan atau catatan, merekodkan.

[29] Dalam Kamus Pelajar Edisi Kedua, perkataan menyimpan bermaksud:

> Definisi: 1. Menaruh sesuatu di tempat yang selamat supaya tidak hilang; 2. mengemaskan sesuatu supaya tersusun atau teratur semula; 3. Memegang (rahsia dsb) teguh-teguh;

[30] Oleh itu mahkamah berpendapat dalam konteks kes ini perkataan menyimpan dalam kedua-dua pertuduhan adalah merujuk kepada menaruh di tempat yang selamat (supaya tidak rosak, tidak hilang, dan lain-lain).

[31] Mahkamah berpendapat tidak ada kekhilafan apabila hakim mahkamah sesyen memutuskan kedua-dua tertuduh telah menyimpan hidupan liar tersebut. Hakim mahkamah sesyen mengatakan elemen penyimpanan dibuktikan dengan penemuan dan rampasan satu kepala kambing gurun dan 19 bahagian daging-daging kambing gurun yang disimpan di dalam peti simpanan ais di belakang jip tersebut.

[32] Mahkamah ini berpendapat tidak ada kekhilafan apabila hakim mahkamah sesyen mengatakan kedua-dua tertuduh mengetahui mengenai kewujudan hidupan liar tersebut dan mereka mempunyai niat bersama untuk melakukan kesalahan tersebut berdasarkan kepada eksh D31 iaitu percakapan dalam pemeriksaan tertuduh pertama yang dikemukakan oleh peguambelanya di peringkat kes pihak pendakwaan.

[33] Hakim mahkamah sesyen dalam penghakimannya telah memetik sebahagian percakapan dalam D31 seperti berikut:

S: Siapa punya tong itu? A

J: Saya yang bawa dari rumah.

S: Macam mana daging itu boleh berada dalam tong ais?

J: Din yang isi.

B

S: Masa bila dia isi?

J: Masa dia nak tumpang.

S: Bagaimana keadan daging semasa Din nak tumpang kereta?

J: Daging-daging itu sudah siap dipotong. C

[34] Petikan di atas jelas membuktikan peti simpanan ais itu kepunyaan tertuduh pertama yang dibawa dari rumahnya dan diletakkan di belakang jip. Tertuduh pertama telah membenarkan tertuduh kedua menyimpan hidupan liar itu dalam peti simpanan ais tersebut. Oleh itu mahkamah berpendapat isu (ii) juga tidak mempunyai merit. D

[35] Mahkamah ini bersetuju dengan hakim mahkamah sesyen bahawa walaupun tidak ada keterangan langsung yang membuktikan kedua-dua tertuduh yang menyimpan barang-barang kes ke dalam peti simpanan ais tersebut, terdapat keterangan mengikut keadaan yang membuktikan elemen tersebut. E

[36] Undang-undang membenarkan penerimaan keterangan mengikut kedaaan untuk membuktikan kesalahan tertuduh jika keterangan itu kuat dan menjurus kepada kebersalahan tertuduh sahaja. Dalam kes *Asni bin Omar lwn Pendakwa Raya* [2015] 6 MLJ 401 di ms 415; [2016] 1 CLJ 548 di ms 560 Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa: F

G

> [37] Prinsip undang-undang adalah mantap bahawa keterangan ikut keadaan hendaklah dilihat kesannya secara kumulatif dan keterangan ikut keadaan itu dengan khususnya hanya mengarah atau menjurus kepada (irresistibly points to) kebersalahan perayu lihat (*Sunny Ang v Public Prosecutor* [1966] 2 MLJ 195, *Dato Mokhtar bin Hashim & Another v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232, *Amithavelli a/p P Ramasamy v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 367, *Kamis v Public Prosecutor* [1975] 1 MLJ 46. H

[37] Dalam kes ini keterangan ikut keadaan yang membuktikan kebersalahan kedua-dua tertuduh ialah: I

(a) ketika kejadian kedua-dua tertuduh bersama-sama berada di dalam jip;

(b) kedua-dua tertuduh mempunyai kawalan atau jagaan terhadap jip tersebut; *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 237;

(c) dalam kenderaan tersebut terdapat barang-barang kes yang disimpan di dalam peti simpanan ais di belakang jip tersebut;

(d) barang-barang kes itu telah disimpan selamat di dalam peti simpanan ais supaya ianya tidak rosak;

(e) kedua-dua tertuduh mempunyai kawalan atau jagaan terhadap peti simpanan ais tersebut; dan

(f) berdasarkan eksh D31, kedua-dua mereka mengetahui mengenai kewujudan barang-barang kes tersebut.

[38] Mahkamah berpendapat tidak ada kekhilafan dalam penghakiman hakim mahkamah sesyen yang mensabitkan kedua-dua tertuduh setelah mereka berdiam diri selepas dipanggil membela diri, *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85. Dengan memilih untuk berdiam diri, kedua-dua tertuduh telah gagal untuk menyangkal segala bukti dan keterangan kes pihak pendakwaan yang telah dinilai secara maksima oleh hakim mahkamah sesyen di akhir kes pendakwaan. Berdasarkan kepada fakta dan keterangan prima facie, mahkamah ini berpendapat sabitan adalah selamat. Mahkamah mengesahkan sabitan ke atas kedua-dua tertuduh.

HUKUMAN

[39] Dalam penghakimannya terhadap hukuman, hakim mahkamah sesyen telah mengambil kira kesalahan itu adalah kesalahan yang serius berdasarkan kepada peruntukan hukuman di mana jika sabit kesalahan boleh dihukum denda tidak kurang daripada RM100,000 dan tidak lebih daripada RM500,000 dan penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

[40] Beliau telah memberi pertimbangan utama kepada prinsip kepentingan awam dengan merujuk kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102, *Public Prosecutor v Nguyen Thi Huong* [2014] MLJU 1917; [2015] 2 CLJ 102. Hakim mahkamah sesyen mengatakan Parlimen telah menggantikan Akta lama itu Akta 76 dengan Akta 716 bagi menambahbaik peruntukan lama dan meningkatkan hukuman.

[41] Hakim mahkamah sesyen telah mengambil kira hidupan liar adalah suatu yang dipelihara di negara ini dan merupakan khazanah negara. Kerajaan telah mengadakan berbagai usaha untuk memastikan kelangsungan kewujudan spesis ini. Masyarakat bertanggungjawab untuk menjaga hidupan liar ini supaya tidak pupus bukan sahaja untuk manfaat generasi hari ini bahkan generasi akan datang.

[42] Mahkamah bersetuju dengan hakim mahkamah sesyen niat parlimen yang menggantikan Akta 76 dengan Akta 716 perlu diterjemahkan dalam

bentuk hukuman oleh mahkamah, *Public Prosecutor v Karthiselvam a/l Vengatan* [2011] 4 MLJ 212; [2009] 4 CLJ 632. Walau bagaimanapun mahkamah berpendapat memandangkan kepada latar belakang kedua-dua tertuduh adalah tidak munasabah untuk mengenakan denda yang terlalu tinggi kerana kedua-dua mereka memang tidak berkemampuan untuk membayar denda tersebut.

[43] Oleh itu mahkamah telah membenarkan rayuan tertuduh-tertuduh terhadap hukuman denda. Hukuman denda RM300,000 untuk setiap pertuduhan ke atas kedua-dua tertuduh diketepikan dan digantikan dengan denda RM100,000 jika tidak bayar enam bulan penjara. Hukuman penjara dua tahun untuk kedua-dua pertuduhan dikekalkan.

Sabitan ke atas kedua-dua perayu disahkan; rayuan terhadap hukuman denda dibenarkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar